



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1
Jalan Impact, Cyber 6
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : SKMM(S) 07-LICD/274101/C/A/(1)2026/(2) - MNI
Tarikh : **17 Mac 2026**

Pengarah Urusan
Telbina Technology Sdn Bhd
AK215, 1st Floor, MJC Batu Kawah New Township
Jalan Batu Kawah
93250 Kuching
Sarawak

(U/P: En. Jerriface Anak Mason)

Tuan,

PENDAFTARAN SEBAGAI PEMEGANG LESEN KELAS PEMBERI PERKHIDMATAN APLIKASI [ASP(C)]

Notis Pendaftaran (dengan semua dokumen serta butiran yang berkaitan dan lengkap) untuk lesen kelas (Borang D) yang diterima dari syarikat tuan pada **16 Mac 2026** adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **Telbina Technology Sdn Bhd** telah didaftarkan sebagai pemegang lesen kelas pemberi perkhidmatan aplikasi (*applications service provider class license-ASP(C)*) bermula **16 Mac 2026**. Pendaftaran Lesen Kelas ini adalah berkuatkuasa selama **1 tahun** dari tarikh pendaftaran tersebut. Sebarang permohonan untuk pendaftaran semula harus dikemukakan dalam tempoh 60 hari sebelum tamatnya tempoh sah laku pendaftaran ASP(C) yang sedia ada.

3. Sila ambil maklum bahawa pihak tuan hanya dibenarkan menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan yang telah dinyatakan dalam Perkara 3 Borang Pendaftaran Lesen Kelas (Borang D) tuan. Sekiranya pihak tuan berhasrat untuk memberi mana-mana perkhidmatan selain daripada yang dicatatkan dalam Borang D, sila kemukakan maklumat mengenai perubahan tersebut bersama dengan bayaran seperti yang diperuntukkan di dalam Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Komunikasi Dan Multimedia (Pelesenan) 2000, seperti yang dipinda.

4. Menurut peruntukan Seksyen 126, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 98), seseorang yang mempunyai atau memberikan apa-apa kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian, sama ada berkaitan dengan pemberi perkhidmatan aplikasi yang disebutkan di atas ataupun tidak, memerlukan lesen pemberi kemudahan rangkaian atau lesen pemberi perkhidmatan rangkaian yang berkenaan.

5. Pihak tuan dinasihatkan melayari laman web MCMC untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai syarat-syarat lesen ASP(C) yang harus dipatuhi oleh pihak tuan, seperti di bawah:

<https://mcmc.gov.my/skmmgovmy/files/attachments/ASP%20Class%20Licence%20ASP.C.2005.3.pdf>


6. Selaras dengan obligasi Peraturan 29 Peraturan - Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002, sebagai pemegang lesen di bawah AKM 98, pihak tuan hendaklah mengemukakan penyata hasil bersih ("RONR") masing-masing yang terbit daripada perkhidmatan dinamakan dan perkhidmatan tidak dinamakan beserta dokumen-dokumen yang berkaitan bagi tahun kewangan berakhir dalam tahun kalendar sebelumnya tidak lewat daripada 30 Jun setiap tahun. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara berkenaan boleh diperolehi dengan menghubungi Jabatan Pengurusan Dana USP melalui talian 03-8688 7990 atau email kepada efmsar@mcmc.gov.my.

7. Sebagai pemegang lesen di bawah AKM 98, **Telbina Technology Sdn Bhd** adalah golongan pengawal data yang diwartakan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP 2010) dan adalah wajib untuk berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi. Pihak tuan adalah dinasihati untuk membuat tindakan seawajarnya di dalam memastikan pematuhan syarikat di bawah APDP 2010 tersebut.

8. Bersama ini disertakan salinan pendua notis pendaftaran yang telah diperakukan serta resit bernombor **AR16481** bagi bayaran fi sebanyak RM2,500.00 untuk simpanan tuan. Sekiranya pembayaran yang diberikan tidak mendapat pelepasan dari pihak bank, pendaftaran ini akan terbatal.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



AHMAD FARHAN YAMIN ZULKIFLI

Ketua

Jabatan Pelesenan

Bagi Pihak Pengerusi